

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 JANUARY 2017

Lantik Anwar tutup kesalahan

Oleh SAFINA RAMLI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 30 JAN.

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad didakwa terpaksa melantik Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Menteri Kewangan pada 1991 untuk menutup kesalahan melibatkan kegiatan perdagangan mata wang asing yang dilakukan oleh beliau dan Tun Daim Zainuddin.

Pengendali blog, Raja Petra Kamaruddin mendakwa, sejak akhir 1980-an Bank Negara Malaysia (BNM) terjebak dalam perdagangan mata wang asing atau forex dan mengalami kerugian.

Menurutnya, seawal tahun 1989, media Barat telah mendedahkan bahawa BNM merupakan spekulator tukar mata wang asing (forex) terbe-

sar di dunia tetapi pada masa itu BNM dikatakan sudah mengalami masalah.

"Mengapa pada 1991 Dr. Mahathir terpaksa menggantikan Daim dengan Anwar adalah mudah. Bank Negara telah terlibat dengan aktiviti forex dan mengalami kerugian, hanya menunggu masa sesuai untuk dunia mengetahuinya. Jadi lebih baik untuk Daim meletakkan jawatan dan membiarkan Anwar mengambil alih," katanya yang dipetik melalui portal www.malaysia-today.net hari ini.

Raja Petra mendakwa, tugas Anwar ketika itu adalah untuk menutup kerja-kerja kotor yang dilaku-



RAJA PETRA
KAMARUDDIN

kan oleh Dr. Mahathir dan Daim.

"Pada September 1992, George Soros telah menyerang pasaran tukaran wang asing dengan AS\$8 bilion (RM35.4 bilion) dipinjam daripada Bank Negara yang sudah hampir tenggelam. Pada waktu itu, Bank Negara hilang AS\$10 bilion (RM44 bilion) manakala Soros pula meraih keuntungan AS\$1.2 (RM5.31 bilion)," jelasnya.

Katanya, walaupun Dr. Mahathir mengetahui Anwar merupakan seorang yang bercita-cita tinggi, namun beliau tidak mempunyai cara lain bagi menyelamatkan dirinya serta Daim.

"Pada waktu itu Dr. Mahathir

Mengapa pada 1991 Dr. Mahathir terpaksa menggantikan Daim dengan Anwar adalah mudah. Bank Negara telah terlibat dengan aktiviti forex dan mengalami kerugian, hanya menunggu masa sesuai untuk dunia mengetahuinya."

RAJA PETRA KAMARUDDIN

memerlukan Anwar dan berbaloi untuknya mengambil risiko tersebut," katanya.

Um - 31/1/2017

Petikan Dr. Mahathir

APABILA Lim Guan Eng didapati bersalah oleh mahkamah, bapanya, Lim Kit Siang mendakwa kerajaan mempengaruhi mahkamah untuk

mensabitkan kesalahan anaknya. Tetapi apabila hukuman itu terkena kepada parti lain atau parti lawannya, Kit Siang percaya undang-undang negara ini telah dilaksanakan dengan baik."



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama rakyat di Tangga Batu, Melaka pada 10 Ogos 1999.